

# AXCEL CEFACLOR CAPSULE

Cefaclor Monohydrate (250mg, 500mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Cefaclor Capsule
2. Bagaimana Axcel Cefaclor Capsule berfungsi
3. Sebelum menggunakan Axcel Cefaclor Capsule
4. Cara menggunakan Axcel Cefaclor Capsule
5. Semasa menggunakan Axcel Cefaclor Capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Cefaclor Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Axcel Cefaclor Capsule

Axcel Cefaclor Capsule digunakan untuk merawat jangkitan disebabkan oleh organisma mudah terdedah:

- Jangkitan pada dalam telinga.
- Jangkitan saluran pernafasan bawah.
- Jangkitan saluran pernafasan atas.
- Jangkitan saluran kencing.
- Keradangan yang diakibatkan oleh jangkitan gonorea.
- Sinusitis (jangkitan sinus).
- Jangkitan kulit dan tisu lembut.

## Bagaimana Axcel Cefaclor Capsule berfungsi

Cefaclor ialah jenis antibiotik yang dinamakan cephalosporin. Cefaclor digunakan untuk merawat jangkitan yang disebabkan oleh bakteria.

## Sebelum menggunakan Axcel Cefaclor Capsule

### -Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Axcel Cefaclor Capsule jika:

- Anda alergi atau hipersensitif pada Cefaclor atau cephalosporin yang lain.
- Ia tidak dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi bertauliah kepada anda.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### -Sebelum menggunakan Axcel Cefaclor Capsule

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat-ubatan, makanan dan perwarna.
- Anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).
- Anda alergi pada penisilin.
- Anda menghadapi kerosakan buah pinggang.
- Anda pernah menghadapi penyakit perut dan usus.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut kerana ia mungkin boleh bertindakbalas dengan Axcel Cefaclor Capsule anda:

- Oral antikoagulan (ubat yang digunakan untuk mencegah darah beku seperti warfarin).
- Antibiotik Beta-lactam dan Probenecid (sejenis ubat yang digunakan untuk merawat gout atau untuk melanjutkan kesan sesetengah antibiotik).

Ini bukan senarai lengkap ubat-ubatan yang perlu diberikan perhatian. Sila tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk maklumat lanjut. Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Cefaclor Capsule dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

## Cara menggunakan Axcel Cefaclor Capsule

### -Berapa banyak harus digunakan

Untuk penggunaan oral sahaja.

- Dewasa: 250mg-500mg setiap 8 jam dan boleh mengambil jumlah sebanyak 4g dalam sehari.
- Bronkitis (inflamasi saluran udara) dan pneumonia (jangkitan tisu paru-paru): 250mg 3 kali sehari.

- Sinusitis (jangkitan sinus): 250mg 3 kali sehari untuk tempoh 10 hari.
- Bagi jangkitan yang lebih serius, seperti pneumonia atau yang disebabkan organisma kurang terdedah, dos mungkin boleh digandakan.
- *Gonococcal Urethritis* (keradangan saluran kencing yang diakibatkan oleh jangkitan gonorrhoeal) yang teruk: dos tunggal sebanyak 3g bercampur dengan 1g probenecid.

### -Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan bila anda perlu mengambil Axcel Cefaclor Capsule mengikut keadaan anda.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan ubat ini untuk tempoh masa yang disarankan oleh doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Axcel Cefaclor Capsule

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

# AXCEL CEFACLOR CAPSULE

Cefaclor Monohydrate (250mg, 500mg)

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Cefaclor Capsule.
- Beritahu kepada doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

## -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Cefaclor Capsule dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

## -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan penggunaan produk ini berpanjangan.
- Semasa hamil dan menyusukan bayi.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Cefaclor Capsule boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Reaksi hipersensitif termasuk ruam kulit, gatal-gatal, demam, reaksi seperti penyakit serum, dan anafilaksis (tindak balas alergi yang teruk).
- Peningkatan enzim hati yang sementara.
- Hepatitis (keradangan hati) dan jaundis kolestatik (kekuningan kulit).
- Sawan dan tanda-tanda lain ketoksikan sistem saraf pusat.
- Gangguan gastrointestinal seperti rasa loya, muntah-muntah dan cirit-birit.
- Masalah darah.

- *Interstitial nephritis* berbalik (ruang antara tubul buah pinggang bengkak).
- Hiperaktif.
- Mudah gementar.
- Gangguan tidur.
- Kekeliruan.
- Hipertonia (kerusakan sistem saraf pusat).
- Kepeeningan.

Ini bukanlah satu senarai lengkap semua kesan sampingan yang mungkin. Kesan sampingan lain mungkin berlaku pada sesetengah orang dan mungkin terdapat beberapa kesan sampingan yang belum diketahui.

Beritahu kepada doktor anda jika anda mendapati apa-apa lagi yang membuat anda merasa kurang sihat, walaupun ia tidak dalam senarai ini. Tanya kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak faham apa-apa dalam senarai ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web [np.ra.moh.gov.my](http://np.ra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Cefaclor Capsule**

### -Penyimpanan

Jauhkan Axcel Cefaclor Capsule dari jangkauan kanak-kanak.

Simpan suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

### -Pelupusan

Jangan guna Axcel Cefaclor Capsule yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Axcel Cefaclor-250 Capsule adalah kapsul gelatin berwarna ungu/putih dengan saiz 2.

Axcel Cefaclor-500 Capsule adalah kapsul gelatin berwarna ungu/putih dengan saiz 0.

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:

Cefaclor Monohydrate.

- Bahan Tidak Aktif:

Sodium Starch Glycolate dan Magnesium Stearate.

### -Nombor MAL

Axcel Cefaclor-250 Capsule  
MAL20014010AZ

Axcel Cefaclor-500 Capsule  
MAL20014011AZ

## **Pengilang dan pemegang pendaftaran produk**

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
29/03/2018

## **Nombor siri**

NPRA(R4/1)270218/00060